

# Panel khas tangani keganasan

Oleh Rohaniza Idris

BH 9/11/00

KUALA LUMPUR, Rabu — Satu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita ditubuhkan hari ini dalam usaha bersepadu mengurangkan keganasan terhadap wanita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata, jawatankuasa itu ditubuhkan berikutan keseimbangan masyarakat perhubung keganasan terhadap wanita yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata, isu keganasan terhadap wanita perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak.

Justeru, dengan adanya jawatankuasa ini hak wanita akan lebih terpelihara, selamat dan sejahtera.

“Jawatankuasa ini dianggotai 29 pemimpin pertubuhan wanita, ahli profesional, agensi kerajaan, polis, media massa dan hospital,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa itu di Jabatan Hal-

## Kerajaan tubuhkan jawatankuasa pemandu berikutan keganasan terhadap wanita yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini

Ehwal Wanita (Hawa).

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Shahrizat manakala Pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (Naciwid), Prof Datuk Nik Safiah Karim dilantik menjadi Timbalan Pengerusi.

Ketua Pengarah Hawa

yang baru, Norasmah Samudin menjadi Pengerusi Urusetia jawatankuasa itu.

Shahrizat berkata, mesyuarat pertama jawatankuasa itu bersetuju untuk mengadakan kempen bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai masalah keganasan terhadap wanita terutama mem-

babitkan gangguan seksual.

Katanya, buat permulaan pihaknya mahu ibu bapa menyampaikan maklumat mengenai keganasan kepada anak masing-masing.

“Apabila kempen ini berjaya di peringkat keluarga, kita akan perluaskan ia di peringkat komuniti supaya ia lebih berkesan,” katanya.

Pada masa ini, Shahrizat berkata, jawatankuasa bersetuju mengadakan mesyuarat seminggu sekali bagi membincangkan lebih lanjut langkah menangani ke-

ganasan terhadap wanita.

Katanya, mesyuarat itu juga mengagihkan tugas serta tanggungjawab mengikut bidang kuasa agensi dan persatuan masing-masing bagi memastikan fungsi utama jawatankuasa untuk mengurangkan keganasan, tercapai.

Shahrizat berkata, jumlah keganasan dijangka bertambah setiap tahun dan jika tidak ditangani kemungkinan ia akan menjadi budaya masyarakat pada masa depan.

“Menangani masalah ini

bukan hanya tanggungjawab kerajaan, ibu bapa harus memainkan peranan penting untuk memberikan nilai dalam diri anak masing-masing,” katanya.

Mengikut laporan sepanjang tempoh Januari hingga September tahun ini, 3,992 kes membabitkan keganasan terhadap wanita dilaporkan.

Daripada jumlah 2,136 kes membabitkan keganasan rumah tangga manakala 930 kes meragukan kehormatan dan kes rogol.